

Rujukan Kami : SMKS5 02/03/002(2)
Bertarikh : 05 Februari 2012

Semua Ibu Bapa dan Penjaga Pelajar Tingkatan 5,
Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 5,
Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

KELAS BIMBINGAN PROGRAM KECEMERLANGAN SPM 2012

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa PIBG dengan kerjasama sekolah akan menjalankan Program Kecemerlangan SPM 2012. Program meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan ini diadakan bagi pelajar-pelajar yang berminat sahaja.

2. Kelas bimbingan ini akan diadakan mulai 05 Mac 2012 hingga 15 Ogos 2012. Bagi memantapkan lagi perjalanan kelas bimbingan tersebut, pihak sekolah telah menetapkan pengagihan kelas akan bergantung kepada pencapaian pelajar-pelajar berkenaan di dalam ujian bulanan.

3. Mata Pelajaran yang ditawarkan

Mata Pelajaran	Hari	Masa	Catatan
Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains Sejarah Pendidikan Islam Matematik Tambahan Biologi Kimia Fizik Prinsip Akaun Ekonomi Asas Perdagangan ERT Seni Visual	Isnin dan Rabu	2.15 petang hingga 5.15 petang (Isnin dan Rabu) 2.30 petang hingga 5.30 petang (Jumaat)	Jadual sebenar mengikut kumpulan akan diedarkan kemudian

4. Bagi menjayakan program ini, setiap pelajar dikehendaki membayar sebanyak RM200.00 secara pakej sekaligus.

5. Pelajar yang membuat bayaran awal akan diberi keutamaan kerana tempat adalah terhad.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(HJH. HABSHAH BT. ABDUL KUDUS)
Pengetua
SMK Seksyen 5 Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

.....
(DATO' HJ. WAN HASSAN BIN WAN MAMAT)
Pengerusi PIBG
SMK Seksyen 5 Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

KERATAN JAWAPAN

Saya ibu / bapa / penjaga
Kepada..... dari tingkatan
..... Bersetuju / Tidak Bersetuju mendaftar anak saya untuk kelas
tambahan SPM. Saya juga akan membayar yuran kelas tambahan ini
sebanyak..... (Ringgit :)
secara sekaligus.

2. Pihak saya juga akan bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memastikan kehadiran anak saya ke kelas tersebut.

Sekian,

Saya yang benar,

.....
(Nama :)

Sila pulangkan kertas jawapan sebelum 20 Februari 2012.